



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian)
(Pindaan) 1985**

DR.35/1985

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pin-
daan) 1985. Tajuk
ringkas.

2. Seksyen 5 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “dengan mana-mana orang lain” dalam subseksyen (1), perkataan-perkataan “, sama ada perkahwinan yang tersebut kali pertama itu atau sesuatu yang berupa sebagai perkahwinan yang tersebut kali kedua itu dilakukan di Malaysia atau luar Malaysia”;

(b) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “seseorang lain di bawah sesuatu undang-undang, agama, adat atau kelaziman” dalam subseksyen (2), perkataan-perkataan “, sama ada perkahwinan yang tersebut kali kedua itu atau sesuatu yang berupa sebagai perkahwinan yang tersebut kali ketiga itu dilakukan di Malaysia atau di luar Malaysia”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "seseorang lain di bawah sesuatu undang-undang, agama, adat atau kelaziman" dalam subseksyen (3), perkataan-perkataan " , sama ada perkahwinan yang tersebut kali pertama itu atau sesuatu yang berupa sebagai perkahwinan yang tersebut kali kedua itu dilakukan di Malaysia atau di luar Malaysia".

3. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda—

- (i) dengan menomborkan semula seksyen 7 yang sedia ada sebagai seksyen 7 (1); dan

- (ii) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (1), subseksyen baru (2) yang berikut:

*N.M.B.
Bab 45.*

"(2) Di mana suatu kesalahan di bawah seksyen 494 Kanun Keseksaan dilakukan menurut subseksyen (1) oleh seseorang di mana-mana tempat di luar Malaysia tindakan boleh diambil terhadapnya berkenaan dengan kesalahan itu seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di mana-mana tempat di Malaysia di mana dia dijumpai atau di mana dia mungkin dibawa masuk akibat daripada mana-mana pembicaraan bagi ekstradisinya ke Malaysia dari mana-mana tempat di luar Malaysia :

Dengan syarat bahawa apa-apa pembicaraan terhadap seseorang di bawah subseksyen ini yang akan menghalang pembicaraan-pembicaraan kemudiannya terhadap orang itu kerana kesalahan itu telah dilakukan di Malaysia hendaklah menjadi penghalang kepada pembicaraan-pembicaraan kemudiannya terhadap orang itu di bawah Ordinan Ekstradisi 1958 atau Akta Penjenayah Fugitif Komanwel 1967, berkenaan dengan kesalahan yang sama di luar Malaysia."

Ord. 2/58.

Akta 54/67.

4. Seksyen 26 Akta ini adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (2), subseksyen baru (3) yang berikut: Pindaan seksyen 26.

“(3) Suatu perkahwinan yang diupacarakan di bawah seksyen ini hendaklah, bagi maksud-maksud Akta ini, disifatkan sebagai suatu perkahwinan yang diupacarakan di Malaysia, dan peruntukan subseksyen (2) seksyen 7 hendaklah terpakai *mutatis mutandis* berhubungan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini berkenaan dengan perkahwinan itu.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang bertujuan meminda Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 5 Akta bahawa seseorang yang telah berkahwin dengan sahnya di bawah mana-mana undang-undang, agama, adat atau kelaziman dengan seorang atau lebih daripada seorang suamisteri pada atau selepas tarikh Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 mula berkuatkuasa semasa perkahwinan itu wujud, adalah tidak berkebolehan berkahwin lagi di bawah mana-mana undang-undang, agama, adat atau kelaziman di Malaysia atau di luar Malaysia.

Fasal 3 bertujuan menomborkan semula seksyen 7 yang sedia ada sebagai seksyen 7 (1) dan bagi mengemukakan suatu peruntukan baru dalam bentuk subseksyen (2). Subseksyen baru (2) memperuntukkan bahawa seseorang telah melakukan suatu kesalahan dalam erti seksyen 494 Kanun Keseksaan dengan berkahwin semula semasa wujudnya suatu perkahwinan atau perkahwinan-perkahwinan yang terdahulu sama ada perkahwinan yang terkemudian itu dilakukan di Malaysia atau di luar Malaysia. Peruntukan yang sama juga bertujuan memberi bidang kuasa kepada mahkamah tempatan di mana, jika perkahwinan itu berlaku di Malaysia, mahkamah dalam kawasan itu, dan jika perkahwinan itu berlaku di luar Malaysia, mahkamah di mana seseorang itu dibawa masuk ke Malaysia disebabkan oleh mana-mana perintah ekstradisi. *Fasal* itu juga memperuntukkan bahawa

apabila seseorang telah dipertuduhkan di Malaysia, maka ini akan menjadi halangan bagi tindakan selanjutnya terhadap orang itu atas kesalahan yang itu juga di bawah Ordinan Ekstradisi 1958 dan Akta Penjenayah Fugitif Komanwel 1967.

Fasal 4 bertujuan mengemukakan suatu peruntukan baru pada seksyen 26 bagi memperuntukkan bahawa apa-apa perkahwinan yang diupacarakan di mana-mana Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat Konsul di luar Malaysia hendaklah disifatkan sebagai suatu perkahwinan dalam Malaysia dan seksyen 7 adalah terpakai bagi mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Akta berkenaan dengan perkahwinan itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan kewangan tambahan. [PN. (U²) 1172.]